

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB MAHFUZ B. OMAR (POKOK SENA)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR [POKOK SENA] MINTA MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan :-**

(a) jumlah banduan mengikut kapasiti dan semasa serta pecahan bangsa bagi setiap penjara; dan

(b) jenis kesalahan jenayah yang dilakukan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman;

- (a) berdasarkan statistik Jabatan Penjara Malaysia pada 09 November 2020, jumlah banduan yang terdapat di 39 buah institusi penjara adalah seramai 64,732 banduan iaitu 18,312 (39.45%) melebihi kapasiti 46,420 banduan.

Bagi pecahan warganegara pula, seramai 50,073 adalah banduan warga Malaysia iaitu 34,844 Melayu, 4,608 Cina, 6,013 India dan 5,159 lain-lain bangsa. Manakala seramai 14,108 adalah banduan warga asing.

- (b) berasaskan statistik di atas, jenis kesalahan yang dilakukan oleh banduan adalah yang melibatkan kesalahan dadah, kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/1963, Kanun Keseksaan dan lain-lain akta yang sedang berkuatkuasa.